

**Unsur Keindahan Dan Nilai Murni Dalam Pantun Melayu Gubahan Loo Mun Berdasarkan Teori Puitika Sastera Melayu**  
*Analysis of the Beauty and Moral Values In Malay Pantun Composed by Loo Mun's Based on The Theory of Malay Poetics*

*Goh Hin San*  
*gohhinsan@hccm.com.my*  
*Institut Peradaban Melayu*  
*Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia*

*Azhar Wahid*  
*azhar@fbk.upsi.edu.my*  
*Institut Peradaban Melayu*  
*Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia*

Received: 3 July 2023; Published: 31 December 2023

Cite this article (APA) as:

Hin San , G., & Wahid, A. (2023). Unsur Keindahan Dan Nilai Murni Dalam Pantun Melayu Gubahan Loo Mun Berdasarkan Teori Puitika Sastera Melayu. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 11(2), 54 - 68. Retrieved from <https://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/181>

**ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis pantun Melayu, gubahan Loo Mun @ Then Chye dari aspek keindahan Bahasa, bentuk dan keindahan dalam mengajar dan mendidik berdasarkan Teori Puitika Sastera Melayu. Tujuan umum kajian ini adalah untuk mengenal pasti, dan membincangkan aspek keindahan dalam pantun-pantun Melayu gubahan Loo Mun. Terdapat dua aspek keindahan yang difokuskan untuk dianalisis iaitu keindahan dari sudut gaya bahasa dan bentuk sertakan keindahan yang bersifat mengajar dan mendidik masyarakat menerusi nilai-nilai murni dalam pantun-pantun Loo Mun. Kajian ini adalah sebuah berbentuk kualitatif menggunakan kaedah kajian kepustakaan, kaedah analisis kandungan dan kaedah analisis deskriptif . Data daripada sumber-sumber Primer ini dianalisis secara deskriptif berpandukan konsep keindahan dalam mengajar dan mendidik yang digagaskan oleh Muhammad Hj. Salleh menerusi teori Puitika Sastera Melayu (1989). Berdasarkan analisis ke atas 121 buah pantun dalam kumpulan pantun Melayu gubahan Loo Mun, kajian ini mendapati strategi kiasan yang menzahirkan keindahan dalam pantun yang dikaji dapat dilihat pada penggunaan unsur-unsur bahasa seperti metafora, personifikasi, gaya pengulangan, simili dan penggunaan peribahasa. Dengan berpandukan pada prinsip keindahan yang mengajar dan mendidik dalam teori Puitika Sastera Melayu (1989), analisis yang dilakukan secara rinci telah dapat mengenal pasti aspek keindahan bahasa, bentuk serta nilai-nilai murni yang bersifat mengajar dan mendidik. Implikasi hasil daripada kajian ini adalah penting dijadikan rujukan asas kepada kajian-kajian lain pada masa akan datang yang bertujuan untuk mengembangkan pengetahuan dan meneroka aspek pemikiran Melayu dalam perspektif penulis bukan Melayu

**Kata Kunci:** Unsur keindahan. Nilai Murni. Pantun Melayu, Mengajar, mendidik

**ABSTRACT**

*This study aims to analyze the Malay pantun composed by Loo Mun @ Then Chye from the aspects of the beauty of language, form and beauty in teaching and educating. The analysis of this pantun is based on the concept of the beauty of teaching and educating proposed by Muhammad Haji Salleh in the theory of Puitika Sastera Melayu (1989). Content analysis and descriptive analysis methods were*

*used to analyze and describe of 121 pantun from the aspects of beauty, form, language as well as beauty in teaching and educating. The results of the study show that the beauty of the pantun in terms of language is dominantly based on the elements of symbolism, proverbs and metaphors. The beautiful of form can be detected in the number of words in lines, lines and word syllables that are balanced and even. This beauty is in line with the concept of the beauty of poetry suggested by Muhammad Haji Salleh which is the similar measurements, matching worlds, the music goes with the words (rhymes) and is suitable and appropriate. The analysis can also reveal fourth dominant of moral values in the pantuns, which are rational values, loves, tolerance, patriotism and etc. These moral values can be proven to bring the value of teaching and education, especially guiding the community to be rational in the practice of life. The results of this study are very important to be used as a unity tools of multiracial community in Malaysia to understand the uniqueness and special features of Malay pantun.*

*Keywords: Beautiful elements, Moral values, Malay Pantun, teaching and educating*

## **PENGENALAN**

Pantun merupakan sejenis genre puisi Melayu tradisional yang dimiliki bangsa Melayu sejak zaman berzaman dan diwarisi sebagai pusaka bangsa Melayu yang asli dan tinggi mutunya. Sebagai warisan asli bangsa Melayu, pantun lahir daripada kreativiti masyarakat Melayu itu sendiri tanpa dipengaruhi oleh tradisi asing. Pantun yang diterima umum sebagai puisi ciptaan asli orang Melayu bukan saduran atau penyesuaian daripada puisi-puisi Jawa, India, Cina dan sebagainya (Harun Mat Piah, *et al*, 2000:112). Menurut A. Halim Ali (2015), Pantun merupakan puisi Melayu tradisional yang paling popular berbanding dengan jenis-jenis puisi tradisional Melayu lain. Populariti pantun melewati zaman tradisionalnya, malah hadir dalam masyarakat Melayu moden dengan penerusan dari aspek tema dan fungsi.

Kehebatan pantun yang padat dengan garapan makna menerusi pemilihan kata yang padu turut diabsahkan oleh sarjana Barat. Daillie (1988) misalnya berpendapat bahawa pantun adalah puisi yang merangkumkan keseluruhan idea lengkap seperti, “[...] a universe in a nutshell”. Ketakjuban sarjana Barat terhadap keunikan pantun turut diperjelaskan seperti petikan; *“Despite this apparent simplicity, generations of Europeans and Southeast Asians have found themselves ensnared by the pantun’s enigmatic charms, and convinced it provides a unique window on to the ‘soul’ of the Malays, being ‘the essential vehicle of [Malay] traditional culture and the most familiar and commonly shared expression of their civilisation”*.

Maka tidak hairanlah jika pantun sentiasa mendapat tempat dalam kalangan pengarang-pengarang Melayu misalnya dalam karya historiografi Melayu dan beberapa genre lain dalam korpus Kesusasteraan Melayu Tradisional. Ini adalah kerana pantun dapat menjadikan sesuatu peristiwa yang dikarang lebih indah dengan paduan nilai estetika tanpa mengubah tujuan kepengarangannya seperti beberapa karya historiografi Melayu seperti Hikayat Raja-raja Pasai, Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu), Bustanus Salatin dan beberapa yang lain. Keunikan pantun turut mendapat perhatian kaum-kaum lain di Alam Melayu terutama apabila berlakunya penghijrahan besar-besaran kaum Cina dan India semasa kolonialisasi British pada abad ke-19 Masihi. Pantun berasimilasi dengan penggunaan ‘bahasa pasar’ (bazaar Malay) yang dituturkan oleh golongan ini sehingga membentuk kelainan kepada bentuk yang asal (Muhammad Hj. Salleh 1991). Tambahan pula, kemunculan pantun peranan tambah memperhebat perkembangan pantun di Alam Melayu sehingga menjadikan bentuk ini milik semua masyarakat di Alam Melayu tanpa mengira batas keturunan dan kelas masyarakat (Salmon 1978; Oong Hak Ching 1996; Tan Chee Beng (1980) dan lain-lain.

Meskipun pantun merupakan warisan asli Melayu yang lahir dalam alam Melayu dan digunakan dalam kehidupan orang Melayu, namun terdapat juga dalam kalangan orang bukan Melayu yang turut menggunakan, menghayati dan menggunakan pantun dalam kehidupan mereka. Di Malaysia, orang-orang bukan Melayu seperti kaum Cina, India, Kadazan, Iban dan sebagainya sering menggunakan pantun dalam acara-acara tertentu masyarakat mereka seperti dalam acara Sambutan Keamatan, acara kebudayaan atau acara-acara rasmi kerajaan.

Pengarang Perancis bernama Henri Fauconnier pernah menghasilkan karya berjudul *Malaisie* (1930) menunjukkan kebijaksanaan meletakkan jiwanya dalam kesusasteraan Melayu terutama dalam aspek pantun. Karya *Malaisie* yang memenangi Hadiah Kesusasteraan Perancis, Hadiah Goncourt pada tahun sama, mengagumkan pengkaji sastera apabila mengandungi maksud baris yang mempunyai kiasan tinggi. Sasterawan Negara (SN), Prof Emeritus Dr. Muhammad Salleh yang menterjemahkan naskhah Fouconnier itu ke bahasa Melayu dengan judul `Nurani Tanah Melayu` menyifatkan pantun pengarang Perancis itu sebagai luar biasa. Walaupun pantun dalam bahasa Perancis tidak mengikut rima seperti pantun dalam bahasa Melayu, ia tetap mempunyai kiasan yang tinggi. *Malaisie* menyorot idealisme pengarangnya dalam memahami dan menyelami ritual, adat serta budaya kaum di Tanah Melayu. *Malaisie* juga boleh dianggap rakaman keadaan Tanah Melayu sekitar awal 1900-an, iaitu ketika Henri Fauconnier berkhidmat di negara ini sebagai pengurus ladang sekitar tahun 1905 hingga 1914.

Malah terdapat banyak kajian akademik oleh sarjana dan ahli akademik bukan Melayu yang menyusun, menggubah dan mengkaji pantun dengan pelbagai tujuan. Johari Yahaya (2015) dalam kajiannya menyebutkan, sarjana dan penulis berketurunan Cina seperti Goh Then Chye, Liaw Yock Fang, Phoon Mun Kwong, F.L. Wong turut membantu menyebarkan kefahaman masyarakat dunia terhadap keunggulan pantun.

## **PERMASALAHAN KAJIAN**

Meskipun puisi pantun sangat popular dan dikenali dalam masyarakat Melayu, namun, tidak ramai dalam kalangan kaum bukan Melayu yang terlibat secara serius dalam usahamengumpul, menggubah dan menerbitkan pantun-pantun dalam bahasa Melayu. Dalam kalangan kaum Cina hanya beberapa orang sahaja dalam kalangan pengarang kaum Cina Malaysia yang terlibat menggubah pantun Melayu. Meskipun pernah dibuktikan bahawa kaum Cina berketurunan Baba & Nyonya pernah menghasilkan pantun Melayu namun pada hakikatnya fenomena itu berlaku beberapa dekad yang lalu. Demikian juga dalam kalangan kaum India, terdapat golongan Chetti yang mempoplarkan pantun Melayu, khususnya Chetti di Melaka. Hakikatnya serupa dengan kaum Baba Nyonya yang pernah mempopularkan pantun Melayu dalam kehidupan mereka. Namun penglibatan kaum bukan Melayu pada masa kini dapat dikatakan tidak ketara dan tidak menunjukkan keinginan untuk memelihara, mengumpul, menggubah dan menerbitkannya. Cuma penglibatan seorang pengarang Cina era 1960an iaitu Goh Then Chye yang kelihatan berjaya mengumpul, menggubah dan menerbitkan buku kumpulan pantun Melayu pada tahun 1961.

Usaha yang dilakukan oleh Goh Then Chye adalah sangat penting dan mempunyai signifikasinya yang tersendiri. Hal ini menjadi suatu perkara yang menarik perhatian untuk pembaca atau pengkaji melihat jauh ke dalam fikiran dan pandangan hidup pengarang sehingga mampu mengolok, menggubah, menulis pantun dalam Bahasa Melayu dan menerbitkannya. Buku yang dimaksudkan itu berjudul `Pantun Melayu` digubah oleh seorang penulis berketurunan Cina bernama Loo Mun atau nama sebenarnya Goh Then Chye. Penerbitan buku ini pada tahun 1961 menghimpunkan sejumlah 121 buah pantun. Goh Then Chye, yang berkelulusan Ijazah Sarjana Sastera dari University Nanyang pernah bertugas sebagai guru di sekolah dan juga pensyarah di Universiti Malaya. Buku Pantun Melayu satu-satunya buku himpunan pantun yang diusahakan penulis berketurunan Cina di Malaysia dalam dekad 60-an. Masih belum ditemui sehingga kini penulis-penulis bukan Melayu selain Goh Then Chye yang menulis dan menggubah pantun Melayu.

Sebagai seorang berketurunan bukan Melayu, penghasilan buku pantun Melayu adalah sesuatu yang luar kebiasaan dan unik. Apakah pantun-pantun gubahan Goh Then Chye juga sama dengan pantun-pantun Melayu lain yang terhasil dari minda dan kreativiti orang Melayu sendiri? Kerana, pantun sepertimana juga puisi tradisional Melayu lain adalah wadah pengungkapan pemikiran serta falsafah orang Melayu yang merangkumi segenap ruang kehidupan baik di alam nyata mahupun di alam ghaib. Puisi larut dalam jiwa masyarakat tidak hanya sebagai satu hasil kesenian, tetapi juga menjangkau alam mistik, berperanan sebagai wadah pemeliharaan adat, pembinaan sahsiah, pengajaran agama, pengajaran ilmu pengasih, pertahanan, hiburan dan kepercayaan (Abdul Halim Ali,2007:2).

Sangat menarik diperhalusi pantun-pantun hasil gubahan Goh Then Chye untuk mencari titik temu kehalusan bahasa mahupun maknanya supaya dapat dibuktikan sejauh mana pantun yang terhasil dari gubahan penulis bukan Melayu juga mendukung nilai pengajaran dan pendidikan yang boleh diteladai masyarakat sepertimana juga pantun-pantun yang terhasil daripada penulis Melayu sendiri. Bukan itu sahaja, timbul juga persoalan sejauh manakah aspek keindahan dari segi bentuk dan bahasa yang digunakan dalam pantun-pantun tersebut memiliki keindahan yang sebanding dengan pantun Melayu gubahan pengarang Melayu sendiri? Persoalan-persoalan ini memerlukan jawapan yang bersifat ilmiah supaya dapat dibuktikan bahawa pengarang bukan Melayu juga mempunyai daya kreatif seni yang setanding dengan pengarang Melayu dalam penghasilan pantun Melayu.


Oleh yang demikian, tujuan umum kajian ini adalah untuk mengenal pasti, dan membincangkan aspek keindahan dalam pantun-pantun Melayu gubahan Loo Mun. Terdapat dua aspek keindahan yang difokuskan untuk dianalisis iaitu keindahan dari sudut gaya Bahasa dan bentuk serta keindahan yang bersifat mengajar dan mendidik masyarakat menerusi nilai-nilai murni dalam pantun-pantun Loo Mun. Untuk mencapai tujuan ini secara khusus ditetapkan dua objektif sepertimana berikut; pertama mengenal pasti dan membincangkan unsur-unsur keindahan dalam pantun Melayu gubahan Loo Mun dari sudut unsur bahasa dan bentuk. Kedua, menganalisis nilai murni pantun gubahan Loo Mun berasaskan Teori Puitika Sastera Melayu menerusi konsep keindahan dalam mengajar dan mendidik.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini adalah sebuah berbentuk kualitatif menggunakan kaedah kajian kepustakaan, kaedah analisis kandungan (*content analysis*) dan kaedah analisis deskriptif (*descriptive analysis*). Kaedah-kaedah ini dipilih kerana, pengumpulan data dan analisis data bersumberkan pada kandungan teks pantun yang bercetak dan diterbitkan pada tahun 1961. Menurut A. Halim Ali (2019), penyelidikan kepustakaan ialah penyelidikan yang dijalankan ke atas data-data daripada sumber yang sedia ada (*documented*). Data-data yang sedia ada ini sama ada dalam bentuk teks kreatif, manuskrip, surat-surat, diari yang tersimpan sama ada di perpustakaan, arkib, pusat dokumentasi dan sebagainya. Kaedah penyelidikan ini sangat popular dalam kalangan penyelidik sastera, kerana bahan sumber datanya adalah dalam bentuk dokumen, khususnya teks kreatif seperti novel, manuskrip, teks kanon Melayu, puisi tradisional dan moden, skrip drama, novel, cerpen dan lain-lain. Manakala menurut Mike Palmquist (1980) menyebutkan, kaedah analisis kandungan; *'can be applied to examine any piece of writing or occurrence of recorded communication, content analysis is used in large number of fields, ranging from marketing and media studies, to literature and rhetoric, ethnography and cultural studies, gender and age issues, sociology and political science, psychology and cognitive science, as well as other fields of inquiry'*

Keseluruhan proses dalam kajian ini yang bermula daripada permasalahan kajian hinggalah kepada jangkakan dapatan ditunjukkan dalam satu reka bentuk yang bersifat linear sebagaimana yang dirajahkan dalam Rajah 1. Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti aspek keindahan dalam pantun Melayu gubahan Loo Mun, mengkategorikan tema-tema pantun dan menganalisis tema pantun gubahan Loo Mun berasaskan teori Puitika Sastera Melayu janaan Muhammad Hj. Salleh. Analisis kandungan dibuat terhadap 121 buah pantun gubahan Loo Mun bagi mengenal pasti tema dan mengkategorikan serta menganalisis tema tersebut bagi menunjukkan kekuatannya dalam menyampaikan makna keindahan dalam mengajar dan mendidik sepertimana yang diteorikan oleh Muhammad Hj. Salleh.

### Rajah 1: Reka bentuk kajian



Data kajian adalah dalam bentuk kualitatif dikumpul daripada dua sumber primer dan sekunder. Sumber primer data kajian merupakan buku kumpulan Pantun Melayu yang digubah oleh seorang penulis berketurunan Cina bernama Goh Then Chye atau nama penanya Loo Mun. Buku ini diterbitkan di Hong Kong pada tahun 1961 menghimpunkan sejumlah 121 buah pantun dalam Bahasa Melayu.

Manakala Data-data sekunder pula diambil daripada sumber kepustakaan seperti buku, artikel jurnal, akhbar dan majalah yang berkaitan dengan tajuk kajian. Data daripada sumber-sumber Primer ini dianalisis secara deskriptif berpandukan konsep keindahan dalam mengajar dan mendidik yang digagaskan oleh Muhammad Hj. Salleh menerusi teori Puitika Sastera Melayu (1989). Menerusi Konsep keindahan dalam mengajar dan mendidik, Muhammad Hj. Salleh menyebutkan bahawa keindahan sastera Melayu mendukung makna yang bersifat dan berfungsi didaktisme. Didaktisme bermaksud unsur pengajaran atau pendidikan dalam karya kesusasteraan yang memberikan pengajaran kebaikan, nilai murni atau nilai-nilai keagamaan. Bagi tujuan mengenal pasti nilai murni dan pengajaran kebaikan dalam pantun yang dikaji, tumpuan analisis difokuskan kepada dua aspek iaitu; unsur bahasa dan bentuk pantun, dan kedua nilai-nilai murni yang menggambarkan keindahan dalam mengajar dan mendidik berasaskan 18 nilai murni.

### DAPATAN KAJIAN

Analisis dan perbincangan dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama perbincangan difokuskan pada aspek keindahan pantun dari segi bahasa dan bentuk. Analisis dari sudut keindahan Bahasa dan bentuk adalah bertujuan untuk menjawab persoalan kajian pertama yang menanyakan apakah keindahan bahasa dan bentuk yang terdapat dalam pantun-pantun Melayu gubahan Loo Mun. Selanjutnya, bahagian kedua analisis ditumpukan pada aspek tema dan persoalan. Analisis dalam bahagian ini bertujuan untuk mengkategorikan tema dan persoalan dalam pantun serta menganalisis nilai-nilai murni yang terungkap dalam pantun. Perbincangan ini selanjutnya dirincikan bagi menunjukkan nilai-nilai murni dalam pantun yang selari dengan dengan mengajar dan mendidik.

### Keindahan Pantun Dari Aspek gaya Bahasa

Aspek bahasa dan bentuk merupakan dua aspek penting yang mencirikan keindahan pantun Melayu sepertimana yang dibincangkan oleh Muhammad Haji Salleh dalam teori Puitika Sastera Melayu. Dari sudut keindahan Bahasa Muhammad Haji Salleh menyebutkan bahawa keindahan pantun terletak pada ciri-ciri Kiasan dan Saranan yang digunakan serta merujuk strategi pemaknaan yang secara canggih melayangkan citra dan makna di hadapan mata kasar serta mata hati khalayaknya. Kiasan

menjadi satu bentuk strategi yang dijadikan alat mencantikkan bahasa dalam disusun dalam bentuk baris dengan jumlah perkataan yang sekata jumlahnya.

Berdasarkan analisis ke atas 121 buah pantun dalam kumpulan pantun Melayu gubahan Loo Mun, kajian ini mendapati strategi kiasan yang menzahirkan keindahan dalam pantun yang dikaji dapat dilihat pada penggunaan yang ketara unsur-unsur bahasa seperti metafora, personifikasi, gaya pengulangan, simili dan penggunaan peribahasa.

### **Unsur Metafora**

Metafora merupakan bahasa kiasan yang menyatakan sesuatu makna atau maksud yang lain daripada makna sebenar dan ditandai dengan objek yang bersifat abstrak dan konkrit. Penggunaan objek pertama adalah abstrak yang mempunyai persamaan dengan objek kedua bersifat konkrit. Misalnya, gaya bahasa metafora dapat dilihat dalam pantun berikut:

**Burong dara** terbang ka-Melaka,  
Hinggap mari di-panggung wayang,  
Tuan *laksana bidadari shorga*,  
Di-mana tidak hati bergoyang

Dalam konteks pantun tersebut, penggunaan konkrit ialah lambang 'burung dara' merujuk kepada hasrat hati seseorang. Manusia merupakan makhluk ciptaan Allah yang diberi pelbagai keistimewaan berbanding dengan makhluk ciptaanNya yang lain. Justeru manusia mempunyai naluri atau hasrat dan keinginan untuk mencari pasangan hidup masing-masing seperti yang terungkap dalam pantun tersebut. Dalam surah *Al-Waqiah ayat 35-37*, Allah berfirman bahawa **bidadari syurga** adalah wanita yang diciptakan secara langsung, tidak melalui proses kelahiran, dan belum pernah ada di dunia sebelumnya. Penggunaan lambang dan perlambangan dari konkrit ke abstrak jelas bahawa *burung dara* dan *bidadari shogra* (syurga) melambangkan seorang wanita yang cantik dan baik budi pekertinya, sehinggakan sesiapa sahaja lelaki yang melihat pasti akan terpicik.

Situasi ini dapat memberi nilai positif dalam kehidupan kerana *bidadari shorga (syurga)* amat mengagumkan dari segi kebijaksanaan dan ketajaman fikirannya. Justeru generasi muda digalakkan berusaha untuk menjaga peribadi dengan sebaiknya yang mendatangkan pahala. Contohnya perbuatan mengukir senyuman kepada sesama insan lebih-lebih lagi dalam kalangan orang Islam. Ia merupakan perbuatan baik yang dinilai dengan pahala oleh Allah SWT kerana Bidadari Allah SWT di dalam syurga akan menjaga penghuninya apabila ketika mereka hidup di dunia dahulu mereka berusaha untuk menjaga peribadi dengan sebaiknya.

**Mawar** terkembang di-dalam puan,  
Orang bukit berbuat **huma**;  
Kalau dapat bertemu tuan,  
Hilang-lah rindu salama2.

Penggunaan konkrit ialah lambang 'mawar' seperti dalam rangkap pantun tersebut. Lambang 'mawar' merujuk kepada seorang wanita yang memiliki sifat keistimewaan. Bunga mawar sesuai dijadikan pewangi, bau yang semerbak itu memang menenangkan kerana itu bunga mawar penyejuk hati wanita, bentuknya yang cantik dan kelopak yang halus membolehkan wanita yang lembut hatinya cair. Ia adalah pemuda jalan cinta seorang lelaki kerana itu lelaki ingin bertemu agar hilanglah segala kerinduan di hati selama-lamanya

Berdasarkan keistimewaan bunga 'mawar' yang diibaratkan seorang wanita mendapati nilai murni dari segi kesopanan, meletakkan nilai yang baik pada tingkah laku, beradab sopan dan mengikut peraturan yang menjadi amalan sentiasa dituntut mengikut falsafah Rukun Negara telah dibentuk pada 31 Ogos 1970. Tidak dapat dinafikan bahawa seorang wanita yang mempunyai nama baik serta perilaku mulia akan disanjung manakala wanita yang rendah moral terus disisih. Dalam konteks untuk memberi nasihat, pantun ini cuba mengingatkan ibu bapa agar mendidik serta membentuk perwatakan anak perempuan mereka mengikut resam masyarakat sejajar dengan mesej dalam pantun tersebut sebagai alat kawalan sosial. Bau harum mawar yang berkembang itu memberi

pengertian tentang kecantikan atau kelebihan yang dimiliki oleh seseorang wanita menjadi sebab dia dikenali ramai dan perkara tersebut menjadi buah pertuturan orang. Nilai seseorang tidak hanya terletak pada parasnya tetapi juga pada nama yang baik (Zurinah Hassan 2010). Seajar dengan itu, bau harum sekuntum bunga juga membawa konotasi nama baik yang dibawa oleh wanita yang dimaksudkan atau merujuk kepada keturunannya yang berasal daripada golongan yang baik-baik sehinggakan jika dapat bertemu hilanglah rindu selama-lamanya. Sememangnya, masyarakat Melayu juga mementingkan perkara tersebut dalam menentukan jodoh anak mereka terutamanya dalam mencari persamaan darjat sehinggakan mereka meletakkan enggang tidak sesuai terbang bersama pipit.

Menurut Andrea Frownfelter (2010) bunga membawa konotasi negatif atau positif tentang seksualiti wanita. Bunga mawar dan bunga berwarna putih selalunya membawa negatif tentang kekurangan seksualiti wanita seperti isu keperawanan dan sifat tidak bersalah seksual kerana ciri stereotaip tersebut menggambal sifat wanita ideal mengikut kaca mata masyarakat Barat. Secara positif, simbol bunga juga digunakan sebagai kiasan aktiviti seksual wanita. Bunga mawar berkembang juga dikaitkan dengan pembiakan kerana dikatakan mempunyai persamaan dengan alat kelamin wanita. Wanita dan bunga tidak akan terpisah sehingga pada zaman lampau, kecantikan wanita akan terserlah setelah diselitkan bunga pada sanggul (Noriah 2015). Seajar dengan sarwa jagat Melayu, Mineke Schipper (2004) mengemukakan pandangan yang sama, iaitu metafora bunga sesuai dikiasan dengan anak dara kerana warna, bentuk, dan wangi bunga merupakan tarikan pada lebah dan burung untuk menghinggapinya.

Dalam pantun tersebut ia tidak dilambangkan dengan haiwan kerana bunga sering dikaitkan dengan wanita kerana bunga juga dijadikan intipati minyak wangi sehingga keharumannya menjadi kerinduan seseorang. Bunga mawar disukai kerana sifat kecantikan dan kelembutan. Keadaan ini diibaratkan dengan kaum wanita, iaitu selagi mereka cantik dan muda, selagi itulah mereka disayang dan dipuja selari dengan budi bahasa yang baik kerana dihubungkan dengan bau yang wangi pada bunga mawar tersebut sehingga seorang lelaki berusaha untuk bertemu agar hilanglah kerinduan.

Contoh-contoh yang dinyatakan menunjukkan penggunaan gaya bahasa metafora yang digunakan oleh pengarang pantun tersebut. Gaya bahasa metafora dapat dijelaskan melalui penggunaan perkataan 'burung dara' dan 'bidadari Shorga'. Perkataan burung dan bidadari adalah abstraksi lalu pengarang membina metafora menjadi burung dara dan bidadari shorga.

'Dara' dan 'shorga' (syurga) merupakan sesuatu yang tidak boleh dilihat dengan mata kasar. Oleh hal yang demikian, penggunaan gaya bahasa metafora yang terdapat dalam kedua-dua pantun tersebut bertujuan untuk menggerakkan imaginasi pembaca dan bersesuaian dengan pendapat Muhammad Haji Salleh (2006: 34) yang mengatakan bahawa keindahan dalam rasa, iaitu menjurus kepada penglihatan rasa setelah membaca atau mendengar serta menghayati teks sastera. Kebiasaannya, ia melibatkan perasaan pembaca atau pendengar yang membuatkan mereka berasa puas dan indah.

Lubok juar di-Kota Lama,  
Tempat mengail **ikan sembilang**,  
Jika tuan pergi lama,  
Hati adek berasa **walang**

Berdasarkan pantun tersebut ikan sembilang dilambangkan dengan rasa walang (sedih) iaitu kesedihan seseorang yang sekiranya berpisah dalam tempoh yang lama ibarat ikan sembilang yang sangat berbisa yang tidak bertanggung kesakitannya yang membawa kesedihan. Kita sedia maklum bahawa ikan sembilang mempunyai sengat yang berada dalam senarai ikan berbisa tinggi dan boleh didapati di kebanyakan kawasan pesisir dan muara di Malaysia. Justeru, ikan sembilang dilambang sebagai rasa kesedihan kerana sangat berbisa jika terkena sengatnya yang boleh membawa maut jika tidak dirawat segera. Disebabkan keistimewaan ikan sembilang tersebut ianya telah dijadikan satu perlambangan dalam pantun tersebut hasil pemikiran daripada nenek moyang alam fauna yang terdapat di persekitarannya.

Penggunaan lambang dan perlambangan dari konkrit ke abstrak jelas bahawa *ikan sembilang* dan *walang* melambangkan dua insan yang sedang bercinta. Mesej yang hendak disampaikan dalam pantun tersebut; apabila berhadapan dengan masalah putus cinta, perpisahan, berjauhan perasaan takut



dan kekeliruan akan berlaku ke atas diri akan lebih cenderung untuk membuat keputusan yang tidak tepat atau tidak rasional. Justeru harus beringat bahawa mesti tabah dan sabar dalam menghadapi keperitan perpisahan. Orang tua selalu berpesan bahawa semakin banyak kesakitan yang anda alami, terdapat jumlah positif yang sama terhadap diri sendiri. Misalnya apabila berlaku perpisahan walaupun seketika, bahawa kita membenarkan diri kita bersedih seketika dan kembali bangkit dan menjadi lebih kuat dan bersedia untuk menghadapi dunia. Selaras dengan lontaran mesej dalam pantun tersebut “*Jika tuan pergi lama, Hati adek berasa walang*” jelas mengatakan bahawa jika sebagai seorang lelaki pergi untuk mencari rezeki harap orang yang ditinggalkan jangan berasa sedih kerana dia yang pergi akan tidak lama walaupun kesedihan itu diibaratkan sangat berbisa seperti disengat ikan sembilang.

Situasi ini dapat dikaitkan dengan didikan daripada nenek moyang terdahulu bahawa setiap ujian yang Allah berikan adalah takdir yang perlu diterima oleh kita. Jadi kita perlu sabar dan terima setiap ujian itu dengan hati yang terbuka. Usah bersedih dan memberontak tetapi harus tabah dalam mengharunginya.

### **Keindahan Peribahasa**

Peribahasa merupakan gaya bahasa yang sinonim dengan masyarakat Melayu tradisional dan masih digunakan pada zaman kini. Penggunaan gaya bahasa ini memperlihatkan kebijaksanaan masyarakat Melayu dalam menyusun kata untuk berinteraksi dengan orang sekeliling. Menurut Keris Mas (1988: 135), peribahasa ialah sejenis gaya percakapan atau ujaran yang berisi kebijaksanaan fikiran dan pemerhatian yang tersusun dalam bentuk yang ringkas, indah, sedap didengar dan benar pada perasaan dan fikiran. Setiap rangkaian peribahasa tersebut sudah terbentuk dan terpakai begitu lama dalam pergaulan umum bukan sahaja berfungsi meninggalkan kesan estetik tetapi menjadi kata-kata bandingan, teladan dan pengajaran kepada masyarakat.

Dalam Pantun Melayu Gubahan Loo Mun (1961), pengarangnya mengetengahkan peribahasa Melayu dalam pantun tersebut untuk menggambarkan sesuatu peristiwa atau kejadian bagi memperlihatkan unsur estetika Melayu yang amat mementingkan perihal berbicara atau berbahasa bagi menyampaikan sesuatu mesej. Antaranya ialah pengungkapan peribahasa “Mati semut kerana gula, Mati ikan kerana umpan” dan Mati manusia di-dalam chakapan yang manis, Mati semut di-dalam gula” menerusi pantun di bawah;

Emak ka-kedai membeli gula,  
Lalu membeli sekupang belachan;  
**Mati semut kerana gula,**  
**Mati ikan kerana umpan.**

Manggis muda ku sangka manis,  
Rupa-nya pahit menggila2;  
**Mati manusia di-dalam chakapan yang manis,**  
**Mati semut di-dalam gula**

Ungkapan “Mati semut kerana gula, Mati ikan kerana umpan” dan Mati manusia di-dalam chakapan yang manis, Mati semut di-dalam gula” ini jelas bahawa menunjukkan bahawa perihal seseorang yang dapat dipengaruhi dengan puji-pujian atau kata-kata manis di samping mendapat bencana kerana sesuatu yang terlalu menyenangkan. Penggunaan peribahasa dalam pantun tersebut menyampaikan mesej berkaitan dengan akibat terlalu tamak akan harta kekayaan dunia, hidupnya kini tunggang-langgang. Yakni, ramai manusia yang tenggelam dalam kemewahan tanpa mengambil berat akan tanggungjawabnya terhadap harta tersebut ibarat peribahasa mati semut kerana gula dan mati ikan kerana umpan. Sememangnya manusia tidak pernah puas dengan harta. Itulah sifat manusia sejak dahulu hingga kini.

Dalam masyarakat Melayu, peribahasa ini merujuk kepada akibat terlalu tamak akan harta kekayaan dunia hidupnya kini tunggang-langgang kerana sifat ketamakan dalam kehidupan timbulnya kekerasan dalam hati seperti tidak boleh menerima teguran orang lain. Peribahasa “Mati manusia di-dalam chakapan yang manis, Mati semut di-dalam gula” jelas menunjukkan bahawa marah atau



mudah hilang kemarahan kerana kata-kata yang manis. Mendapat bencana kerana termakan pujukan atau sesuatu yang menyenangkan sehingga dia suka untuk memperolehi apa yang dikehendakinya. Dengan keselarian penggunaan peribahasa dalam kedua-dua rangkap pantun tersebut jelas bahawa walau dalam keadaan marah sekalipun mereka masih menjaga hati dan menggunakan peribahasa untuk menyindir kesalahan masyarakat.

Secara keseluruhannya sindiran yang diungkapkan dalam penggunaan peribahasa ini akan memberikan kesedaran kepada masyarakat yang melakukan kesilapan. Hal ini menunjukkan bahawa orang Melayu sememangnya kaya dengan nilai estetika dalam berbahasa. Inilah yang ditegaskan oleh Muhammad Haji Salleh (2006:34) sebagai keindahan yang mengajar dan mendidik. Peribahasa tersebut digunakan sebagai teguran kepada masyarakat agar tidak mengamalkan sikap *seperti Mati semut kerana gula, Mati ikan kerana umpan*” dan, *Mati semut di-dalam gula* “. Peribahasa ini juga menekankan pengajaran agar konsep kejujuran dalam diri seseorang dititik beratkan kerana setiap kata-kata yang manis itu selalu mengandungi muslihat didalamnya hanya manusia yang tidak berfikir baik buruknya akan terjerat dan tertipu. Justeru berhati-hati walau diibaratkan manusia yang tidak dapat dipisahkan dari gula sebagai rempah ratus dalam minuman seharian.

Penggunaan peribahasa dalam kedua-dua rangkap pantun tersebut jelas menunjukkan bahawa pengarang ingin menyampaikan mesej bahawa dalam kehidupan sentiasa berhati-hati dengan mulut yang manis seperti gula kerana sebaliknya ia mengandungi tipu daya yang boleh memerangkapkan diri sendiri. Hal ini sejajar dengan pendapat Indirawati (1998: 11) yang menegaskan bahawa peribahasa berfungsi sebagai peringatan, nasihat dan kritikan untuk tujuan kebaikan kepada seseorang. Oleh itu, dapat difahami bahawa ungkapan *Mati semut kerana gula, Mati ikan kerana umpan*” dan, *Mati semut di-dalam gula* “memberi peringatan kepada semua agar sentiasa berhati-hati dengan mulut yang manis seperti peribahasa menanam tebu ditepi bibir hanya Mengeluarkan perkataan yang manis-manis (untuk membujuk dan sebagainya). Ini jugalah yang ditekankan oleh Muhammad Haji Salleh (2006: 34) sebagai keindahan yang mendidik dan mengajar masyarakat. Penggunaan peribahasa berupaya membawa mesej nasihat tanpa menyinggung hati seseorang. Justeru, melalui penggunaan peribahasa orang Melayu mengambil peluang untuk nasihat-menasihati ke arah kebaikan. Selain mengandungi unsur nasihat, peribahasa tersebut juga mempunyai nilai estetika yang merupakan salah satu ciri yang dipentingkan dalam penghasilan sesebuah pantun.

### Pemetaan Nilai Murni berdasarkan Pantun Gubahan Loo Mun

Penelitian terhadap 18 nilai murni berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) mendapati bahawa nilai murni yang kerap digunakan oleh Loo Mun terhadap pantunnya adalah seperti berikut;

BIL.	NILAI MURNI	BIL. RANGKAP
1.	Kepercayaan kepada Tuhan	1
2.	Baik hati	0
3.	Bertanggungjawab	2
4.	Berterima kasih	0
5.	Berhemah tinggi	3

6.	Hormat	0
7.	Kasih sayang	36
8.	Keberanian	0
9.	Kejujuran	4
10.	Kerajinan	4
11.	Kerjasama	3
12.	Kesederhanaan	1
13.	Toleransi	6

14.	Berdikari	0
15.	Harga diri	7
16.	Kebebasan	2
17.	Patriotisme	2
18.	Rasional	36

**Jadual 1:** Nilai-nilai Murni Berdasarkan Pantun Gubahan Loo Mun

(Sumber: *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP), Pendidikan Moral Tingkatan 4 dan 5.* (2018). Kementerian Pendidikan Malaysia: Putrajaya; Loo Mun. (1961). *Pantun Melayu digubah oleh Loo Mun.*The Earth Publications Ltd: Hong Kong)

Keakraban masyarakat Melayu dengan pantun menyebabkan genre ini dijadikan medium penyampaian didaktik yang paling berkesan dalam kehidupan mereka. Garapan nilai-nilai murni bagi tujuan mengajar dan mendidik menjadikan genre pantun terus digemari dan amat luas perkembangannya dalam kalangan masyarakat. Ini bersesuaian dengan definisi ‘kesusasteraan’ bagi masyarakat Melayu yang berteraskan kepada himpunan karangan yang baik, indah bahasanya serta isinya bagus (Abdul Rahman al-Ahmadi 1966). Secara tidak langsung, ini bermakna ‘bahasa yang indah’ merupakan komponen utama dalam pencirian kesusasteraan Melayu. Justeru, gabungan ‘bahasa yang indah’ ini digunakan untuk menghuraikan nilai didaktik dalam pantun yang amat penting dalam pembentukan peribadi masyarakat agar terus terbimbing dalam menjalani kehidupan yang berkualiti (Braginsky, 1994). Nilai-nilai didaktik yang terkandung nilai murni ini merangkumi segala tingkah laku, perbuatan atau gerak laku yang menjurus ke arah kebaikan dan teladan (Kamaruzaman Abdullah, 2000:4). Manakala menurut Sufean Hussin (1995: 37), nilai-nilai murni membawa kepada ketenteraman pemikiran, kesucian jiwa dan keluhuran perilaku manusia. Dengan itu dapatlah dikatakan nilai-nilai murni adalah nilai-nilai baik yang diterima oleh masyarakat sejagat yang berlandaskan agama, kepercayaan, adat resam dan kebudayaan yang disampaikan bagi tujuan mengajar dan mendidik. Elemen ini sangat jelas ditonjolkan dalam bentuk pantun yang amat digemari oleh masyarakat di Alam Melayu sehingga kini masih terus kukuh dan mapan diwarisi.

Idea yang terungkap di dalam bait-bait pantun adalah bersifat berat dan serius tetapi digayakan, diragam, dilenggok dan disampaikan dalam bentuk yang ringan dan mudah, namun mesejnya amat mendalam, signifikan dan penuh bermakna (Siti Hajar Che Man, 2013:76). Sehubungan itu, sifat pantun selari dengan cerminan gaya hidup masyarakat Melayu yang menitikberatkan adab dan amalan budi bahasa dalam setiap langkah kehidupan mereka. Kajian ini akan memfokuskan kepada nilai didaktik dalam pantun Melayu gubahan Loo Mun berasaskan konsep keindahan dalam mengajar dan mendidik. Terdapat 18 nilai murni dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP), Kementerian Pendidikan Malaysia yang akan diaplikasi terhadap 121 rangkap pantun gubahan Loo Mun seperti analisis di bawah ini. Walau bagaimanapun, kajian ini hanya akan menganalisis 12 nilai moral ini sahaja yang didapati selaras dengan tema atau persoalan dalam pantun gubahan Loo Mun iaitu kepercayaan kepada Tuhan, bertanggungjawab, berhemah tinggi, kasih sayang, kerajinan, kerjasama, kesederhanaan, toleransi, harga diri, kebebasan, patriotisme dan rasional.

### **Kepercayaan kepada Tuhan**

Agama merupakan teras pegangan bagi setiap individu yang bergelar manusia. Sehubungan itu, meneliti pantun-pantun gubahan Loo Mun (1961) didapati hanya satu pantun yang menepati nilai murni ini iaitu pada rangkap ke 98 (hal. 59) seperti petikan di bawah:

Ali sa-orang kurang adat,  
Selalu bergaduh serta berfitnah,  
Hidup kita di-kandong adat,  
Mati kita di-kandong tanah

Persoalan yang dikenalpasti daripada pantun ini adalah berhubungan perkembangan diri iaitu mempercayai Tuhan amat perlu dalam kehidupan seseorang manusia. Pantun ini menyerlahkan unsur didaktik bagi tujuan mengajar dan mendidik yang sangat jelas dalam kehidupan setiap individu. Maksud pantun iaitu, “Hidup kita dikandung adat, mati dikandung tanah’ adalah selagi seseorang itu masih ada hayatnya di muka bumi ini, maka perlulah dipatuhi aturan-aturan yang ditetapkan oleh masyarakat. Manakala jika seseorang tersebut telah meninggal dunia, maka nasibnya tertakluk kepada hukum-hukum yang ditetapkan oleh Tuhan. Kepercayaan kepada Tuhan harus menjadi pegangan utama dalam kehidupan kerana kepercayaan tersebutlah yang akan mencorakkan kehidupannya di atas dunia dan selepas kematiannya. Ini bermakna pantun ini mengajak khalayak agar bermuhasabah diri terutama mengenai hakikat hidup di kedua-dua alam ciptaan Tuhan ini. Jika di dunia, manusia perlu memastikan dirinya mematahuti sebarang bentuk aturan atau undang-undang yang ditetapkan oleh institusi dalam masyarakatnya agar kehidupan yang dikecapi lebih bermakna dan berkualiti. Sekiranya sampai saat kematiannya, seseorang itu tetap tidak dapat lari daripada aturan dan undang-undang Tuhan. Maka bait, ‘mati dikandung tanah’ memperkuat persoalan kedua iaitu manusia perlu berserah dan patuh dengan aturan kehidupan walau setinggi mana pangkat dan kedudukannya di mata manusia. Pengajaran yang jelas dalam pantun ini adalah pengarang Loo Mun mengajak khalayak agar memandang serius kepada kedua-dua alam yang merupakan tempat sementara dan abadi bagi seseorang yang bergelar manusia. Sikap memandang enteng kepada maksud pantun ini akan membawa manusia kepada tidak menghargai akan kewujudannya sebagai ‘insan’ atau ‘mahluk istimewa’ ciptaan Tuhan. Sikap tidak mematuhi ketetapan peraturan (adat) boleh menjuruskan manusia ke arah kerosakan terutama apabila dirinya tidak akan dihargai malah lebih malang boleh dianggap ‘*devian*’ oleh masyarakatnya.

### **Bertanggungjawab**

Nilai bertanggungjawab amat dituntut sama ada terhadap diri, keluarga atau masyarakat. Pantun gubahan Loo Mun menyentuh dua pantun berhubung nilai murni ini iaitu:

Manis sungguh buah pepaya,  
Bawa mari pergi ka-pekan;  
Besar-lah harapan di-kalbu saya,  
Bahasa kebangsaan kita amalkan

Indah-nya bunga kembang di-pasu,  
Ambil sa-tangkai penghias jambang;  
Jangan-lah di-buat saperti tebu,  
Habis manis hampas di-buang.

Meneliti kedua-dua pantun di atas mendapati bahawa tema utama pantun masih sekitar perkembangan diri individu. Maksud pantun, “besarlah harapan di kalbu saya, bahasa kebangsaan kita amalkan” menerbitkan persoalan bahawa pengarang inginkan khalayak masyarakatnya agar memandang isu bahasa sebagai isu yang penting terutama dalam menghadapi negara yang berbilang kaum seperti Malaysia. Apatah lagi pada tahun pantun-pantun ini ditulis, Malaysia sedang menghadapi kesukaran menyatukan semua kaum yang ada di Malaysia iaitu Melayu, Cina dan India kepada satu ‘bangsa Malaysia’.

Sehubungan itu, isu bahasa dipergunakan oleh pengarang agar masyarakat bertanggungjawab dalam menjalankan fungsinya sebagai warga Malaysia tanpa mengira asal keturunan dan latar belakang. Oleh kerana itulah, pengarang menekankan “besarlah harapan di kalbu saya’ yang membawa makna dirinya sebagai seorang berketurunan Cina melihat isu perpaduan menggunakan satu bahasa ini sangat penting untuk difahami dan diamalkan secara serius oleh setiap golongan masyarakat. Maka, pengarang memperkukuhkannya dengan bait, “bahasa kebangsaan kita amalkan” iaitu kesepakatan menggunakan satu bahasa demi mengeratkan perpaduan nasional bangsa Malaysia. Ini diselangi dengan motto ‘Bahasa Jiwa Bangsa’ yang dipejuangkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka selaras dengan penubuhannya pada 22 Jun 1956 sebagai institusi kerajaan yang bertanggungjawab

memlihara kesucian 'bahasa kebangsaan' tersebut. Justeru, selaras dengan Perlembagaan Malaysia yang meletakkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan negara ini, pengarang beriltizam mengajak khalayak masyarakatnya sama ada daripada kaum Cina, India atau yang lain agar bertanggungjawab merealisasikan aspirasi kerajaan ini ke arah penubuhan Malaysia yang maju, makmur dan dihormati di persada dunia.

Pantun kedua berkait nilai murni 'bertanggungjawab' ini menyelitkan beberapa persoalan penting dalam kehidupan demi perkembangan diri yang stabil sama ada diri luaran atau dalaman. Bait maksud, "Jangan-lah di-buat seperti tebu, habis manis hampas di-buang" menyerlah keikhlasan pengarang Loo Mun menerusi pantunnya mendidik masyarakat agar lebih bertanggungjawab dalam apa sahaja yang dilakukan terutamanya sebagai seorang 'manusia'. Persoalan pertama yang cuba ditonjolkan oleh pengarang adalah disasarkan kepada kaum lelaki. Beliau sedar bahawa sebagai seorang lelaki yang dikenali sebagai 'ketua keluarga' atau individu yang membentuk corak sesebuah rumah tangga perlu memikul nilai tanggungjawab yang tinggi. Oleh kerana itulah, 'tebu' dijadikan metafora yang dilambangkan kepada 'wanita' sebagai mangsa akibat tiada nilai bertanggungjawab di pihak lelaki.

Pengarang secara tidak langsung berpesan menerusi pantunnya agar sikap tanggungjawab ini perlu ditekankan kepada setiap anak lelaki dalam keluarga oleh bapanya sendiri. Bapa sebagai 'model utama' (*role model*) dalam masyarakat Malaysia perlu menunjukkan sikap 'kebertanggungjawaban' yang kuat kepada ahli keluarganya apatah lagi pada ketika itu (1960-an), masih kuat pengamalan sistem patriarki dalam masyarakat Melayu, Cina atau India. Oleh kerana itulah, bait, "jangan dibuat seperti tebu" jelas merujuk kepada kegagalan sistem kekeluargaan tanpa mengira ras atau kaum dalam mendidik anak lelakinya sehingga golongan ini tidak menghargai wanita yang turut menjadi tunjang kestabilan sesebuah institusi keluarga. Apatah lagi bait, "habis manis, hampas dibuang" menunjukkan nilai mendidik yang lebih tegas terutama menerusi penggunaan 'hampas dibuang'. Penggunaan 'hampas' jelas menunjukkan penekanan kepada sikap 'menghina' golongan tertentu (terutama wanita) yang perlu dihindari akibat hilangnya nilai bertanggungjawab itu.

### **Berhemah tinggi**

Nilai murni 'berhemah tinggi' memerlukan seseorang individu untuk sentiasa beradab sopan dan berbudi pekerti mulia dalam pergaulan seharian. Beberapa ciri yang menghuraikan nilai 'berhemah tinggi' adalah seperti kesopanan, mengakui kesalahan diri dan ramah mesra. Ini ditunjukkan oleh pantun gubahan Loo Mun (1961) seperti berikut:

Rosely baharu bersuami,  
Suami-nya membuat ladang padi;  
Lain dulang lain kaki,  
Lain orang lain hati.

Tema utama pantun ini masih sekitar perkembangan diri individu. Demi menjamin kehidupan yang berjaya dan berkualiti, nilai berhemah tinggi sangat penting untuk terus diamalkan dalam kehidupan. Penelitian kepada maksud pantun iaitu, "lain dulang lain kaki, lain orang lain hati" terhadap nilai beradab dan berbudi pekerti mulia dapat mewujudkan beberapa persoalan terhadap pantun ini iaitu: sentiasa berprasangka baik kepada sesama manusia tanpa mengira latar keturunan dan ras bangsa. Kedua, tidak terus menghukum seseorang atas kesalahan yang dilakukan kerana setiap individu memiliki pemikiran dan personaliti yang berbeza. Ketiga, tangani setiap masalah dengan hati yang terbuka kerana kepelbagaian perangai manusia ini mampu mengundang 'kekecohan' sekiranya tidak ditangani secara berhemah.

Pengarang Loo Mun juga turut memberi perlambangan kepada dirinya sendiri yang berusaha untuk menjadi individu 'berhemah tinggi' agar dapat dijadikan model terbaik dapat masyarakat. Ini menghasilkan persoalan lain bahawa individu yang berhemah tinggi sentiasa dipandang mulia oleh masyarakatnya sehingga digambarkan sebagai 'tempat berteduh' menerusi bait pantun, "Che' Goh umpama sa-buah payong, tempat kami berlindung diri (rangkap 13,hal. 17) dan diulangi lagi pada rangkap ke-25 (hal. 23) sebagai, "Che' Goh umpama pohon yang rendang, kami bermohon tumpang bertedoh (rangkap ke-25, hal. 23).

Secara tidak langsung, pengarang Loo Mun ingin menerangkan kepada khalayak bahawa pengajaran yang boleh didapati daripada rangkap-rangkap pantun ini adalah setiap individu perlu berusaha untuk menjadi 'berhemah tinggi' kerana nilai ini akan meletakkan diri sentiasa dimuliakan, dihormati dan dihargai oleh masyarakat. Akhirnya, peningkatan '*self esteem*' dan keyakinan untuk terus mencurahkan bakti kepada masyarakat dapat terus ditingkatkan menerusi pengekalan nilai ini dalam kehidupan. Sehubungan itulah, pantun ini mengajak khalayak agar sentiasa mempertimbangkan kepelbagaian sikap dan perangai manusia agar sebarang tindakan yang dilakukan lebih wajar dan beretika. Maka, nilai 'berhemah tinggi' yang membawa kepada adab sopan dapat dibentuk dengan jayanya jika masyarakat sentiasa cakna terhadap apa yang berlaku di sekeliling mereka dengan jiwa yang positif.

## **RUMUSAN**

Analisis ke atas 121 buah pantun Melayu gubahan Loo Mun bertujuan untuk mengenal pasti, membincangkan aspek keindahan bahasa, bentuk dan nilai murni yang menunjukkan gambaran pengajaran dan pendidikan kepada masyarakat. Dengan berpandukan pada prinsip keindahan yang mengajar dan mendidik dalam teori Puitika Sastera Melayu (1989), analisis yang dilakukan secara rinci telah berjayaan mengenal pasti aspek keindahan Bahasa, bentuk serta nilai-nilai murni yang bersifat mengajar dan mendidik.

Dari sudut keindahan Bahasa, analisis berjaya menemukan empat unsur gaya bahasa iaitu metafora, personifikasi, gaya pengulangan, simili yang mengangkat dan menampakkan unsur keindahan pantun-pantun Loo Mun. Gaya sisipan unsur metafora dan personifikasi menunjukkan Loo Mun sangat arif dengan alam sekitar dunia masyarakat Melayu yang rapat dengan alam dan realiti budayanya. Loo Mun banyak menggunakan sumber alam semula jadi dunia Melayu seperti pohon kelapa, bunga, burung-burung, ikan dan lain-lain. Selain itu, bangunan-bangunan yang menandakan kehidupan orang Melayu dan Malaysia juga digunakan sebagai alat kiasan metafora. Hal ini menunjukkan bahawa, keindahan pantun Melayu Loo Mun inibanyak disumbangkan oleh kesesuaian pemilihan sumber yang dijadikan saranan kiasan metafora, personifikasi, simile dan perulangan.

Loo Mun juga mahir menggunakan peribahasa yang disisipkan dengan baik dalam pantun gubahannya. Peribahasa merupakan salah satu jenis ungkapan bahasa yang indah bentuk kiasan dan tamsil ibarat. Penggunaan peribahasa ini membuktikan bahawa Loo Mun tidak meninggalkan sumber keindahan alam Melayu yang terkembang luas dalam pantun gubahannya. Loo Mun berusaha untuk tidak sepenuhnya meniru atau menggambil peribahasa dalam khazanah sastera Melayu sepenuhnya dengan memasukkan rangkai kata yang digubah sendiri, namun ia tetap mengesankan keindahan dalam pantun. Dapatan ini sangat penting bagi menunjukkan bahawa Loo Mun meskipun seorang pengarang bukan Melayu namun masih mampu memelihara ciri-ciri pantun Melayu dengan elemen berjodoh dan berkias sepertimana yang disebutkan Muhammad Haji Salleh dalam teori Puitika Sastera Melayu.

Dapatan analisis ini membuktikan bahawa pengarang bukan Melayu mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap aspek bentuk dan bahasa dalam menghasilkan gubahan pantun meskipun mempunyai latar budaya dan sosial yang berbeza dengan orang Melayu. Faktor persekitaran, pergaulan dan sosialisasi menjadi Loo Mun seorang pengarang bukan Melayu mampu menghasilkan pantun-pantun yang indah dari sudut penggunaan gaya bahasa dan juga indah dari sudut bentuknya.

Pengarang Loo Mun adalah pengarang bukan Melayu yang patut dipuji atas usaha beliau menerapkan beberapa nilai murni menerusi gubahan pantunnya sejak sebelum penubuhan Malaysia iaitu 1963 serta sebelum pembentukan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) dalam sistem Pendidikan Malaysia. Meneliti pantun-pantun Loo Mun (1961) mendapati beliau mempunyai semangat juang yang tinggi untuk memartabatkan sastera Melayu menerusi pantun yang dikarang oleh pengarang bukan Melayu. Ini satu usaha yang patut dipuji kerana pantun-pantun beliau dapat menghibur khalayak masyarakat bukan Melayu dengan penggunaan bahasa yang indah dan puitis, peribahasa Melayu yang sering ditemui untuk menyuarakan aspirasi beliau serta gabungan nilai-nilai murni yang sarat dalam keseluruhan pantun-pantun yang dihasilkan.

## RUJUKAN

- A.Halim Ali (2018) *Inti Sari Teori Sastera: Barat dan Malaysia*. Shah Alam: NHA Excell Resources.
- Abdul Halim Ali (2007) *Di Sekitar Puisi Melayu Moden*.Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Abdul Halim Ali (2015) *Memahami Puisi Melayu Tradisional*. Tanjung Malim: Penerbit PersatuanPenulis Budiman Malaysia.
- Abdul Rahman Al-Ahmadi. (1966). *Pengantar Sastera*. Kelantan: Penerbit Kelantan.
- Airil Haimi Mohd Adnan & Indrani Arunasalam Sathasivam Pillay (2020) `The Malay Language 'Pantun' of Melaka Chetti Indians in Malaysia: Malay Worldview, Lived Experiences and Hybrid Identity, *International Journal of Comparative Literature & Translation Studies*, Vol.8 (2), 16-21
- Andrea Frownfelter. (2010). Flower Symbolism as Female Sexual Metaphor. commons.emich.edu/cgi/viewcontent.cgi?referer=https://www.google.com/&https redir=1&article= 1210&context=honors, [5 Oktober 2019]
- Bahagian Pembangunan Kurikulum (2018) *Standard Kurikulum dan Pentaksiran Pendidikan Moral Tingkatan 4 dan 5*, Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia:
- Braginsky. I.V.(1994) *Erti Keindahan dan Keindahan Erti dalam Kesusasteraan Melayu Klasik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Burmeister, J.K. (2013). Hegel's Living Logic. *Research in Phenomenology*, 43 (2): 243-264.
- Chong Fah Hing (2006) `Pengucapan Puisi Goh Then Chye dan Lee Keok Chih: *Pemikir Jan-Mac 2006*, Utusan Melayu (M) Publication: Kuala Lumpur
- Daillie, Francois-Rene. (1988). *Alam Pantun Melayu : Studies on the Malay Pantun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ding Choo Ming. (2008). *Manuskrip Melayu Sumber Maklumat Peribumi Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Gazali Dunia, (1992). *Kesusasteraan Melayu Lama*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harun Mat Piah, et al. (2000). *Puisi Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harun Mat Piah. (1997). *Puisi Melayu Tradisional*. *Puisi Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hemberg, J., Eriksson, K. Nystrom,L. (2017). Love as the Original Source of Strength for Life and Health. *International Journal of Caring Sciences*, 10 (2): 629-
- Indrawati Zahid. (1998). Peribahasa Melayu: Satu klasifikasi yang tiada penentu. *Jurnal Dewan Bahasa*, 42 (11), 978-984.
- Ismail (2019) `Teori Puitika Sastera Melayu: Interpretasi Dan Praktikaliti` *Jurnal MANU* Bil. 29, 31-49
- Kamaruzaman Abdullah. 2000. Nilai Murni Cerpen Diari Seorang Pengawas. *Berita Harian*, 10 Oktober 2010.
- Kamus Dewan* (2005) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Keris Mas. (1988). *Perbincangan gaya bahasa sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Lee, S., Ryu, Y., Jung, M., Kim, J., Lee, T., & Chae, Y. (2017). Understanding Mind-Body Interaction from the Perspective of East Asian Medicine. *Evidence-based Complementary and Alternative Medicine : ECAM*. <https://doi.org/10.1155/2017/7618419>.
- Liaw Yock Fang.(1993).*Sejarah Kesusasteraan Melayu Klasik*. Jakarta. Penerbit Erlangga.
- Loo Mun (1961) *Pantun Melayu*. Hong Kong: The Earth Publications Ltd
- Masyarakat Melayu Sarawak`Proceeding of ICECRS, 1 (2016), 93-100
- Mineke Schipper. (2004). *Never Marry a Woman with Big Feet Women in Proverbs from Around the World*. Amsterdam: Amsterdam University Press
- Mohamed. (2015). Pengertian Senario Perempuan Dalam Beberapa Teks Tradisional Melayu. *Dewan Sastera* Jil. 45, 32-34.
- Mohammad Syawal Narawi (2016) `Nilai Murni Dalam Bermukun Dan Bergendang

- Mohammah Jodi. K.H. Hamat, M.F. & Towpek, H. (2012).Nilai-nilai Islam dalam program Pemilihan Banduanita di Penjara. *Jurnal Usuluddin* (Januari-Jun), 36: 99-116.
- Muhammad Haji Salleh (2021) *Puitika Sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Haji Salleh. (1991). *Yang Empunya Cerita: The Mind of the Malay Author*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Muhammad Haji Salleh. (1997). *Memperbaharui pengarang, dalam Tradisi Penulisan Manuskrip Melayu*. Perpustakaan Negara Malaysia: Kuala Lumpur.
- Muhammad Haji Salleh. (2006). *Puitika sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Muhammad Haji Salleh. (2023). Pantun Melayu: Penelitian terhadap keindahan dan keunikannya dalam masyarakat. *Malay Literature*, 36(1), 47–64. [http://doi.org.10.37052/ml36\(1\)no3](http://doi.org.10.37052/ml36(1)no3)
- Muhammad Rahimi Hasan. (2020). Emansipasi dan Nasionalisme dalam Politik Wanita Melayu Pra Merdeka: Sorotan Memoir Khatijah Sidek, Aishah Ghani dan Shamsiah Fakeh. *International Journal of the Malay World and Civilisation (IMAN)*, 8 (1): 17-27. (<https://doi.org/10.17576/jatma-2020-0801-02>).
- Nazirah Ismail & Noor Azam b Abdul Rahman (2018) Nilai Peradaban Melayu dalam Pantun Peranakan BabaNilai Peradaban Melayu dalam Pantun Peranakan Baba, *Jurnal Sains Insani*, Vol.3 (3) 60-67
- Nik Azis Nik Pa. (1994). *Penghayatan Wawasan Pembangunan Negara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norjietta Taisin (2017). *Pantun Kadazandusun dari aspek metafora* : universiti Malaysia Sabah. Ums
- Oong Hak Ching. (1996). Pantun Cina Peranakan dalam Pantun Melayu: Satu Penelitian Awal. Dlm. Wan Abdul Kadir Wan Yusof (Ed.). *Pantun Manifestasi Minda Masyarakat*, hal. 47-66. Akademi Pengajian Melayu: Kuala Lumpur.
- Oong Hak Ching. (1996). Pantun Cina Peranakan dalam Pantun Melayu: Satu Penelitian Awal. Dlm. Wan Abdul Kadir Wan Yusof (Ed.). *Pantun Manifestasi Minda Masyarakat*, hal. 47-66. Akademi Pengajian Melayu: Kuala Lumpur.
- Oong Hak Ching. (1996). Pantun Cina Peranakan dalam Pantun Melayu: Satu Penelitian Awal. Dlm. Wan Abdul Kadir Wan Yusof (Ed.). *Pantun Manifestasi Minda Masyarakat*, hal. 47-66. Akademi Pengajian Melayu: Kuala Lumpur.
- Ortony, A. (ed). 1993. *Metaphor and Thought*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Rachmat Djoko Pradopo (1993). *Pengkajian Puisi: Analisis Strata Norma dan Analisis Struktural dan Semiotik*. Yogyakarta: Gadjah Mada University Press,
- Rahman Shaari. (1993). *Memahami gaya bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- S.Nathesan. (2002). *Pendekatan dan Teknik Pendekatan Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Sa'adiah Ma'alip & Rahilah Omar (2018). Penguasaan Bahasa Baba-Nyonya dalam Kalangan Masyarakat Baba-Nyonya di Melaka. *Jurnal Melayu*, 17(2): 312-327.
- Sa'adiah Ma'alip & Rahilah Omar (2018). Penguasaan Bahasa Baba-Nyonya dalam Kalangan Masyarakat Baba-Nyonya di Melaka. *Jurnal Melayu*, 17(2): 312-327.
- Sa'adiah Ma'alip & Rahilah Omar (2018). Penguasaan Bahasa Baba-Nyonya dalam Kalangan Masyarakat Baba-Nyonya di Melaka. *Jurnal Melayu*, 17(2): 312-327.
- Salmon, C. (1978). Witing in Romanised Malay by the Chinese of Malaya: A Preliminary Inquiry. *Papers of Chinese Studies*, hal. 79-115. Universiti of Malaya: Kuala Lumpur.
- Satu Tinjauan Tentang Pengaliran dan Kontak Budaya` *Pemikir*: Utusan Melayu (M) Publications: Kuala Lumpur.Jan-Mac 2006 (43), 183-198
- Shamsul Amri Baharuddin. (2018). Suburkah Demokrasi Pilihanraya. *Berita Harian*, 14 November, hal. 11.
- Siti Hajar Che Man. (2013). Kelestarian Pantun: Rencah dan Leluhur Bangsa Dulu, Kini dan Selamanya. *International Journal of the Malay World and Civilisation (IMAN)*, 1(1): 75-81.
- Sufean Hussin. 1995. *Pengajaran Nilai dalam Kurikulum*. Penerbit Fajar Bakti: Shah Alam.
- Tan Chee Beng. (1982). Mengenai sebuah Pantun Baba dan Perkahwinan Dahulu Orang Cina. *Jurnal Sejarah*, 7: 42-53.
- Tan Chee Beng. (1982). Mengenai sebuah Pantun Baba dan Perkahwinan Dahulu Orang Cina. *Jurnal Sejarah*, 7: 42-53.



- Tan Chee Beng. (1982). Mengenai sebuah Pantun Baba dan Perkahwinan Dahulu Orang Cina. *Jurnal Sejarah*, 7: 42-53.
- Tenas Effendy. (2006). *Tunjuk Ajar Melayu (Butir-butir Budaya Melayu Riau)*. Balai Kajian dan Pengembangan Budaya Melayu dan Adicita Karya Nusa: Yogyakarta. Abdul Rahman Al-Ahmadi. (1966). *Pengantar Sastera*. Kelantan: Penerbit Kelantan.
- Zainal Abidin Ahmad (Za'ba). 2002. *Ilmu Mengarang Melayu/Zainal Abidin Ahmad (Za'ba); dengan pengenalan oleh Asmah Haji Omar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Zurinah Hassan. (2010). *Unsur Alam dalam Puisi Melayu Moden*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.